

25 JUN 2001

Mahathir-Nanyang

MCA KINI HARUS TUMPU KEPADA PERKUATKAN DIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota MCA kini hendaklah memperkuat diri mereka memandangkan isu pembelian Nanyang Press Holdings Bhd oleh bahagian pelaburan parti itu, Huaren Holdings Sdn Bhd, sudah selesai.

"Mereka telah membuat keputusan, dan majoritinya, sama ada kecil atau besar, sudah meluluskan (pembelian Nanyang Press).

"Saya harap perkara ini tidak akan menjadi faktor yang memecahkan dalam politik mereka kerana isu ini sudah diselesaikan. Mereka kini seharusnya menumpukan kepada usaha memperkuat diri mereka," katanya.

Dr Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas keputusan mesyuarat agung luar biasa MCA semalam yang mengundi menyokong pembelian itu, pada persidangan media selepas merasmikan Simposium Ekonomi Islam Al Baraka kali ke-20 di sini hari ini,

Persidangan tiga hari itu yang dianjurkan oleh Dallah Albaraka (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, adalah simposium pertama seumpamanya di luar Asia Barat.

Pada mesyuarat agung luar biasa MCA semalam, sejumlah 1,176 anggota perwakilan atau 53.3 peratus daripada 2,216 anggota yang hadir, mengundi menyokong pembelian itu manakala 1,019 atau 46.2 peratus, menentanginya. Terdapat 12 undi rosak dan sembilan anggota berkecuali.

Isu pembelian Nanyang menimbulkan kontroversi dan dikritik oleh kebanyakan kumpulan Cina dan juga kalangan dari MCA sendiri.

Timbalan presiden MCA Datuk Lim Ah Lek dan dua naib presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy ialah yang paling lantang mengkritik pembelian Nanyang.

Kedua-dua mereka ialah antara lapan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat yang menentang pengambilalihan Nanyang semasa mengundi pada mesyuarat jawatankuasa itu bulan lepas.

Tiga puluh dua lagi anggota jawatankuasa itu menyokong pengambilalihan Nanyang semasa mengundi.

Nanyang Press Holdings ialah penerbit harian Nanyang Siang Pau dan China Press.

Kumpulan dalam MCA yang menentang pembelian Nanyang kemudian mengadakan "roadshow" bagi menjelaskan kepada anggota mengenai implikasi pembelian itu yang telah memecah-belahkan lagi perpaduan dalam parti.

Dr Mahathir secara berjenaka berkata: "Saya pasti bahawa Dr Ling (presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik) tidak akan membalas dendam terhadap mereka yang tidak menyokongnya."

Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah MCA sekarang harus memperkuat diri.

Ketika ditanya sama ada isu itu akan memberi tamparan hebat kepada MCA disebabkan oleh bantahan masyarakat Cina terhadap pembelian Nanyang, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu kerana ada pihak yang mendakwa bahawa apapun yang mereka kata membayangkan pandangan masyarakat Cina.

"Suqiu, guru sekolah Cina... setiap kali mereka bercakap ialah mengenai masyarakat Cina, Saya tidak tahu sama ada ia benar atau tidak tetapi apa yang mereka cuba lakukan ialah mempengaruhi masyarakat Cina supaya sekali lagi menentang kerajaan dan menyokong DAP," kata beliau.

Perdana Menteri berkata parti pembangkang tidak berpuas hati kerana keputusan pilihan raya umum 1999 menunjukkan sokongan besar masyarakat Cina kepada kerajaan Barisan Nasional dan bahawa buat kali pertama, mereka

menolak orang kuat DAP Lim Kit Siang dan Karpal Singh.

Dr Mahathir berkata DAP sekarang bekerjasama dengan Suqiu (Jawatankuasa Rayuan Pilihan raya Pertubuhan-pertubuhan Cina, guru-guru sekolah Cina dan beberapa pertubuhan Cina dengan membangkitkan semula isu-isu yang telah diselesaikan untuk menunjukkan bahawa kerajaan bersikap anti masyarakat Cina.

Beliau berkata kerajaan telah banyak lakukan untuk masyarakat Cina dan juga bersikap liberal dengan membenarkan masyarakat Cina mempunyai sekolah sendiri dan menggunakan bahasa mereka sendiri serta menikmati begitu banyak kebebasan di Malaysia.

Ketika ditanya sama ada beliau menyokong idea mengenai satu kumpulan menguasai semua akhbar di negara ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak menyokong idea seperti itu dan berpendapat semua pihak harus mempunyai peluang untuk mempunyai kepentingan dalam akhbar.

Beliau menarik perhatian bahawa kebanyakan akhbar-akhbar berbahasa Cina bersikap pro pembangkang seolah-olah ia ditadbirkan oleh pembangkang dengan menyediakan ruangan khas untuk pembangkang.

"Apa-apa isu yang membawa kebaikan kepada pembangkang, mereka akan memainkan isu itu. Saya berpendapat mereka mahu supaya masyarakat Cina tidak menyokong kerajaan, jadi mereka memainkan isu-isu itu, contohnya semasa pilihan raya kecil di Lunas," kata beliau.

Perdana Menteri menasihatkan Nanyang Press Holdings memastikan akhbar-akhbarnya melaporkan berita yang benar.

"Mereka yang berada di akhbar-akhbar itu harus melaporkan berita yang benar dan selalu melaporkan yang benar, jangan mempunyai agenda sendiri dan memutar-belitkan laporan untuk memenuhi agenda sendiri. Dan ingatan ini ditujukan kepada setiap akhbar, baik akhbar tempatan mahupun akhbar asing," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir, yang ditanya mengenai perkembangan terbaru berkaitan hasratnya untuk melantik setiausaha politik dan akhbar dari kalangan pegawai masyarakat Cina, berkata beliau perlu mempunyai para pegawai itu untuk berkomunikasi dengan akhbar berbahasa Cina.

"Ia telahpun disiapkan dan (pelantikan mereka) akan diumumkan tidak lama lagi," kata beliau.

-- BERNAMA

HS ES RYN FAZ